

'Kami mahu sambung legasi'

Bapa bangga anak kembar ingin jadi penjual sate 'berilmu'

KAMARUL HALIM M
KAMAL

BATU PAHAT

“**D**ari kecil mereka tidak pernah berpisah, sekolah rendah sampai sekarang pasti berdua ke mana-mana sahaja,” kata Rahmat Mohd Salleh, 48, bapa kepada pasangan kembar yang juga pemilik Sate Rahmad.

Pasangan kembar berkenaan, Hilmi Nasri dan Hilmi Nazri, 24, berjaya melanjutkan pengajian di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Lebih membanggakan,

mereka berhasrat menyambung legasi keluarga dalam bidang masakan kerana menyambung pengajian di peringkat Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Katering) Dengan Keujian.

Menurut Rahmat, dia bangga dengan kejayaan anak kembarnya itu dan berharap mereka menjadi usahawan dan tukang masak berilmu, dan pada masa sama jika berpeluang menjadi pendidik.

Katanya, sebaik menerima berita anaknya berjaya melanjutkan pengajian dalam penyediaan makanan, dia ternyata cukup gembira.

“Pada mulanya, hanya seorang sahaja berjaya lanjutkan pengajian, tetapi setelah dibuat semakan semula, rupa-rupanya kedua-dua layak menyambung pengajian dalam program sama.

“Perkara yang mencuit hati ialah UTHM terkeliru dengan anak kembar saya,



Asri (kiri) menyerahkan surat tawaran menyambung pengajian di UTHM kepada pasangan kembar di kedai makan Sate Rahmad milik ayah mereka.

pada ketika itu mereka menyangkakan individu sama buat permohonan dua kali.

“Namun setelah saya sendiri hubungi UTHM dan buat semakan semula, kedua-duanya diterima sambung pengajian di sini,” katanya ketika ditemui di kedai bapanya di

pekan Parit Ya'ani ketika pihak UTHM menyerahkan surat tawaran pasangan kembar berkenaan.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM, Prof Madya Dr Asri Selamat dan Timbalan Dekan

(Akademik dan Antarabangsa) FPTV UTHM, Prof Madya Dr Abdul Rasid Abdul Razzaq.

Sementara itu, menurut Asri, pihaknya gembira kerana UTHM berjaya menyumbang khidmat untuk penduduk setempat kerana

info

• Pada mulanya, UTHM sangka

individu sama mohon dua kali

universiti berkenaan merupakan tempat lahir pasangan kembar ini.

Katanya, setelah melihat latar belakang kedua-duanya, mereka berpotensi ke peringkat lebih jauh.

“Saya turut dimaklumkan kedua-dua akan membantu ayah mereka berniaga dan kita berbangga kerana pelajar kita merupakan anak kepada usahawan terkenal di Batu Pahat.

“Saya juga berharap agar Nasri dan Nazri yang mempunyai pengalaman berniaga dapat berkongsi dengan warga UTHM berkenaan ilmu perniagaan, termasuk rakan sebaya mereka,” katanya.